

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
28 JUN 2016**

1. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL KEDUA 2016

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa bil cukai pintu untuk Penggal Kedua 2016 akan mula diterima oleh semua pemilik premis di Seberang Perai mulai 27 Jun 2016 dan pembayaran perlu dibuat sebelum 31 Ogos 2016.

Bagi pemilik premis yang masih belum menerima bil cukai pintu, semakan boleh dibuat di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my.

Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi di talian 04-5497470 / 471 / 468 / 696 / 697 atau e-mel ke waran@mpsp.gov.my.

2. JADUAL KUTIPAN SAMPAH SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI 2016

Dimaklumkan bahawa jadual kutipan sampah akan mengalami sedikit perubahan sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri 2016. Perubahan jadual kutipan akan berlaku pada 05 dan 06 Julai 2016 dengan ketetapan berikut ;

i. 05 Julai 2016 :

Kutipan sampah domestik akan dibuat sebanyak dua (2) kali iaitu pada ;

- syif pertama dari 7.00pagi hingga 4.00 petang
- syif kedua dari 5.00 petang hingga 12.00 malam

Bagi mana-mana individu yang hendak melupuskan sampah pukal, sila pastikan ianya diletakkan di tong / berhampiran tong CU atau tong MGB yang terdapat di tepi-tepi jalan utama agar kutipan dapat dijalankan mengikut jadual.

ii. **06 Julai 2016 (Hari Raya Pertama) :**

Kutipan sampah domestik akan dimulakan mulai jam **1.00 petang** hingga **10.00 malam**. Perubahan waktu kutipan ini bagi memberi ruang kepada pekerja yang beragama Islam samada di MPSP, Stesen Pemindahan Ampang Jajar dan Tapak Pelupusan Pulau Burung menunaikan Solat Hari Raya Aidil Fitri.

Tarikh	Waktu	Catatan
05.07.2016 (Selasa)	7.00 pg – 4.00 ptg	Jadual Biasa (Jadual B & C)
	5.00 ptg – 12.00 mlm	Jadual Tambahan - kutipan dari tong komunal dan RORO
06.07.2016 (Rabu)	1.00 ptg – 10.00 mlm	Jadual Pindaan (Jadual A & C)
07.07.2016 (Khamis)	7.00 pg – 4.00 ptg	Jadual Biasa (Jadual B & C)

Nota : Jadual A : Isnin , Rabu , Jumaat

Jadual B : Selasa , Khamis, Sabtu

Jadual C : Setiap Hari (Tong komunal dan RORO)

Senarai Pegawai Bertugas;

Penyelaras :

En Muhammad Aidil Bin Samsuri : 019-4451764

Puan Rajeswary a/p Subramani : 011-12192708

KAWASAN	NAMA PEGAWAI	NO.TELEFON
Depo Kepala Batas	PPKP Faris Zaki Bin Basri PKAK Mohd Tahir Bin Othman PP Mohd Afiq Bin Kamal	013-2005074 012-4740526 017-4887004
Depo Tasek Gelugor	PPKP Rajeswary A/P Subramani PKAK Ahmad Bin Abdul Rahman PP Ramli Bin Ahmad	011-12192708 012-4750523 013-5352067
Depo Bagan	PPKP Siti Nur Azani Bt Azizan PKAK Mohd Sabri Sidek PKA Zaini Binti Abd Rashid	019-2593317 019-4740535 019-4506946
Depo Permatang Pauh	PPKP Mohd Norazizul Bin Sahabdin PKAK Kumar A/L Packiri PKA Mohd Fauzi B Johari	013-3041331 012-4740519 017-4669306
Depo Berapit	PPKP Zairomzi Bin Nayan PKAK Murugiah a/l Muniandy PKA Vishalini A/P Suppiah	019-4714691 012-4984545 016-4114045
Depo Jalan Betik	PPKP Fatin Thaniah Bt Ramli PKAK Mohd Awaludin Bin Mustafa PKA Zulkifli B Baharin	013-4801949 012-4677354 012-2881516
Depo Asas Murni	PPKP Norshahada Bt Ramli PKAK Azhar Bin Abu Bakar PP Thilageswary	013-2648642 012-4740507 016-4718409
Depo Jawi	PPKP Ebramshah VSS Abdul PKAK Ho Kun Thong PKA Sundram A/L Vegadeson	016-4810511 019-4528583 017-4248332

3. PROGRAM GERAN THINK CITY DI BUTTERWORTH

Program Geran Think City sekarang dibuka untuk permohonan bermula dari [20 Jun 2016 sehingga 31 Julai 2016](#). Program ini bertujuan untuk menyokong pembangunan semula yang mampan selaras dengan inisiatif yang dilaksanakan dalam Pelan Butterworth Baharu. Program Geran ini adalah terbuka kepada orang perseorangan, komuniti, badan atau agensi untuk projek-projek fizikal seperti menaik taraf luaran bangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan warisan serta acara-acara melibatkan komuniti tempatan.

Bagi pemohon yang berminat untuk memohon Program Geran Think City, cadangan projek perlu memenuhi kriteria seperti berikut :

- i. Projek melibatkan persekitaran kepentingan sejarah atau kemudahan awam.
- ii. Projek meningkatkan ekonomi atau sosial masyarakat dalam Kawasan Butterworth.
- iii. Projek menggalakkan penyertaan komuniti dari sudut kesenian dan kebudayaan.

- iv. Penyelidikan yang berkaitan dengan bandar, budaya dan masyarakat.
- v. Projek berpotensi sebagai pemangkin yang positif dan projek berdaya maju dari segi ekonomi dan sosial setempat.

Think City kini bekerja rapat dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi Rancangan pertumbuhan semula pelan Butterworth Baharu, di mana Program Geran merupakan salah satu strategi pelaksanaan. Untuk maklumat lanjut berkaitan Program Geran Think City boleh layari laman web Think City di <http://www.thinkcity.com.my> atau e-mel kepada tcgrants@thinkcity.com.my.

4. FESTIVAL TAMAN DAN BUNGA, FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2016

Dimaklumkan bahawa MPSP telah mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam Festival Taman dan Bunga, FLORIA Diraja Putrajaya 2016. FLORIA Diraja Putrajaya 2016 (edisi ke-9) telah diadakan pada 27 Mei 2016 hingga 4 Jun 2016. Konsep bagi tahun ini adalah *Magical World Of Floria* (Keajaiban Dunia Floria).

Tema bunga adalah Bunga Kekwa (*Chrysanthemum*). Pulau Pinang/ Majlis telah bertanding dalam kategori Taman Negeri. Konsep tapak pameran adalah Ombak *Chrysanthemum*. Tapak pameran Pulau Pinang telah terpilih untuk memenangi *President's Garden Award*.

5. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI

Dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) bagi bulan Julai 2016 ditangguhkan sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada minggu berkenaan. Program ini akan berjalan seperti biasa pada 7 Ogos 2016.

4. HARI ULANG TAHUN PERISYTIHARAN TAPAK WARISAN DUNIA GEORGE TOWN

Dimaklumkan Hari Ulangtahun Pengisytiharan Georgetown Sebagai Tapak Warisan Dunia jatuh pada 7 Julai 2016 (Khamis) iaitu bersamaan dengan Hari Raya Kedua Aidilfitri. Hari tersebut adalah merupakan hari cuti umum bagi Negeri Pulau Pinang.

Maka cuti sempena Hari Ulangtahun Pengisytiharan Georgetown Sebagai Tapak Warisan Dunia akan digantikan pada 8 Julai 2016 (Jumaat).

5. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI

Kesempatan ini, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua umat Islam yang akan disambut pada 6 dan 7 Julai 2016 (Rabu dan Khamis). Saya berharap agar warga Seberang Perai dan semua kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai berhati-hati semasa memandu kenderaan pulang ke kampung halaman, patuhi peraturan dan waktu perjalanan yang telah ditetapkan oleh Plus bagi mengelakkan kesesakan lalulintas. Selamat bercuti dan pastikan rumah kediaman dikunci dengan sempurna bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Untuk mewujudkan warga Seberang Perai yang lebih sihat Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman

Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 17 Julai 2016 (Ahad)
Taman Berjaya, Nibong Tebal pada 24 Julai 2016 (Ahad).
Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah
dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini
yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.